



**PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026
KALI KE-47**

PERATURAN PERTANDINGAN

**ACARA SUKAN:
CATUR**

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

- 1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Catur Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang diselenggarakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Kategori Pertandingan

- 1.2.1. Pertandingan Catur PSKK 2026 dipertandingkan dalam tiga (3) kategori seperti berikut:

No.	Kategori
1.	Rapid Berpasukan Campuran (C)
2.	Blitz Individu Lelaki (L)
3.	Blitz Individu Wanita (W)

2. PERATURAN UMUM

- 2.1. Selain daripada Peraturan Pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026). Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Catur Antarabangsa (FIDE Laws of Chess) yang sedang berkuat kuasa.
- 2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.

- 2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana peraturan rasmi FIDE, teks asal yang diterbitkan oleh FIDE Laws of Chess hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.
- 2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026, Undang-undang Permainan Catur Antarabangsa (FIDE Laws of Chess) yang sedang berkuat kuasa.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Catur PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Bil.	Kategori	Tarikh	Tempat
1	Rapid Berpasukan Campuran (C)	19hb - 21hb November 2026	SUK Ballroom, Dewan Jubli Perak, Selangor
2	Blitz Individu Lelaki (L)	21 hingga 22 November 2026	
3	Blitz Individu Wanita (W)	21 hingga 22 November 2026	

- 3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1. Setiap agensi yang menyertai acara ini hendaklah mendaftarkan penyertaan bagi semua kategori yang dipertandingkan di bawah acara tersebut. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan agensi berkenaan ditolak atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026).

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Rapid Berpasukan Campuran (C) (Minimal 1 Veteran/Pegawai dalam pasukan)	8 (5 Lelaki 3 Wanita)	2 Lelaki 1 Wanita	1	1
2.	Blitz Individu Lelaki (L)				
3.	Blitz Individu Wanita (W)				

- 4.3. Semua pemain hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.4. Semua pemain yang didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Pemain layak menyertai acara Catur Blitz Individu (Lelaki) atau Catur Blitz Individu (Wanita). Pengurus pasukan hendaklah mengesahkan penyertaan pemain selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum pertandingan Catur Blitz Individu bermula.
- 4.5. Pemain yang tidak didaftarkan adalah tidak layak mengambil bahagian. Sekiranya

berlaku sedemikian, penyertaan pasukan atau individu tersebut akan dibatalkan secara automatik. Semua keputusan perlawanan yang melibatkan pemain atau individu tersebut adalah terbatal dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan.

- 4.6. Pertukaran pemain atau susunan pemain hanya dibenarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran tertakluk kepada syarat-syarat pertandingan. Selepas tarikh tersebut, senarai pemain dan susunan pemain yang telah didaftarkan adalah muktamad sehingga pusingan terakhir pertandingan.
- 4.7. Senarai pemain yang telah disahkan selepas tarikh tutup pendaftaran adalah muktamad. Sebarang pertukaran pemain selepas itu hanya dibenarkan dengan kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.8. Sekurang-kurangnya satu (1) orang pemain Pegawai atau Veteran mesti berada dalam pasukan bagi kategori catur rapid berpasukan campuran.

5. FORMAT PERTANDINGAN

5.1. Catur Rapid Berpasukan Campuran

- 5.1.1. Pertandingan Catur Rapid Berpasukan hendaklah dijalankan secara Sistem *Round Robin* Berpasukan atau Sistem Swiss Berpasukan, bergantung kepada jumlah penyertaan pasukan.
- 5.1.2. Sistem *Round Robin* Berpasukan hendaklah digunakan sekiranya terdapat kurang dari sembilan (9) pasukan yang menyertai pertandingan.

- 5.1.3. Sistem *Swiss* Berpasukan hendaklah digunakan sekiranya terdapat sembilan (9) pasukan atau lebih pasukan yang menyertai pertandingan.
- 5.1.4. Borang Susunan Daftar Pemain hendaklah diserahkan bersama Borang Pendaftaran Pemain sebelum tarikh tutup pendaftaran.
- 5.1.5. Agensi hendaklah mengisi FIDE ID pemain (jika ada) dan jantina pemain dalam Borang Susunan Daftar Pemain.
- 5.1.6. Susunan pemain dalam Borang Susunan Daftar Pemain hendaklah mengikut FIDE Rating tertinggi bermula dari Papan 1 tanpa mengambil kira jantina.
- 5.1.7. Sekiranya pemain tidak mempunyai FIDE Rating, susunan pemain adalah bebas.
- 5.1.8. Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada lapan (8) pemain yang bermain secara serentak dan setiap pemain hanya dibenarkan bermain pada satu (1) papan bagi setiap perlawanan.
- 5.1.9. Susunan papan setiap pusingan adalah seperti berikut :

PAPAN	PESERTA	SUSUNAN
1 hingga 5	Peserta Lelaki	FIDE rating tertinggi bermula Papan 1 dan mengikut Borang Susunan Daftar Pemain
6 hingga 8	Peserta Wanita sahaja	FIDE rating tertinggi bermula Papan 6 dan mengikut Borang Susunan Daftar Pemain

- 5.1.10. Setiap pemain akan diberi masa permainan yang telah ditetapkan. Seseorang pemain dikira kalah sekiranya mengalami checkmate, kehabisan masa yang diperuntukkan atau atas sebab-sebab teknikal lain mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.
- 5.1.11. Pertukaran atau penggantian pemain tidak dibenarkan selepas susunan pemain dimuktamadkan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.1.12. Susunan pemain bagi setiap perlawanan hendaklah mengikut Borang Susunan Daftar Pemain yang telah didaftarkan. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap susunan tersebut, Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membatalkan kemenangan pemain atau pasukan berkenaan.
- 5.1.13. Jadual susunan perlawanan (*pairing*) hendaklah ditetapkan dan dipaparkan oleh Arbiter sebelum setiap pusingan pertandingan.
- 5.1.14. Semua pasukan hendaklah bertanding dalam semua pusingan yang telah ditetapkan. Pasukan yang menarik diri (*walkover*) tanpa sebab yang munasabah boleh dibatalkan penyertaannya.
- 5.1.15. Semua pemain hendaklah merekodkan setiap pergerakan sendiri dan pergerakan pihak lawan sehingga tamat permainan. Pemenang hendaklah menyerahkan kedua-dua salinan *Score Sheet* yang telah ditandatangani pada Arbiter selepas tamat perlawanan.

- 5.1.16. Penentuan kemenangan pasukan adalah berdasarkan sistem **Match Point** seperti berikut:

Keputusan	Mata
Menang	2
Seri	1
Kalah	0

- 5.1.17. Pemberian mata individu (Game Point) adalah seperti berikut:

Keputusan	Mata
Menang	1
Seri	0.5
Kalah	0

- 5.1.18. Pengiraan mata bagi Catur **tidak** mengikut sistem pengiraan mata dalam Peraturan Am.

- 5.1.19. Sekiranya dua (2) atau lebih pasukan memperolehi jumlah *Match Point* yang sama, kedudukan akan ditentukan mengikut urutan berikut:

5.1.19.1. *Match Point*

5.1.19.2. *Game Point*

5.1.19.3. *Direct Encounter*

5.1.19.4. *Sonneborn-Berger*

5.1.19.5. Sekiranya kedudukan pasukan masih tidak dapat ditentukan, Ketua Arbiter berhak menggunakan kaedah pemutus seri lain yang diguna pakai oleh FIDE sehingga keputusan muktamad diperoleh.

5.2. Catur Blitz Individu

5.2.1. Pertandingan Catur Blitz Individu hendaklah dijalankan secara individu menggunakan Sistem Swiss.

5.2.2. Hanya pemain yang didaftarkan di bawah Klausa 4.0 layak menyertai acara Catur Blitz Individu (Lelaki) atau Catur Blitz Individu (Wanita).

5.2.3. Seeding pemain hendaklah ditentukan berdasarkan FIDE Rating.

5.2.4. Jadual susunan perlawanan (*pairing*) hendaklah ditetapkan dan dipaparkan oleh Arbiter sebelum setiap pusingan pertandingan.

5.2.5. Semua peserta hendaklah bertanding dalam semua pusingan yang ditetapkan. Menarik diri (*walkover*) adalah tidak dibenarkan.

5.2.6. Sekiranya individu memperoleh jumlah Game Point yang sama, kedudukan akan ditentukan mengikut urutan berikut:

5.2.6.1. *Direct Encounter*

5.2.6.2. *Buchholz*

5.2.6.3. *Sonneborn-Berger*

5.2.6.4. *Progressive Score*

5.2.6.5. *Number of Wins*

5.2.6.6. Sekiranya kedudukan pasukan masih tidak dapat ditentukan, Ketua Arbiter berhak menggunakan kaedah pemutus seri lain yang diguna pakai oleh FIDE sehingga keputusan muktamad diperoleh.

5.3. Sebarang perkara berkaitan sistem pertandingan yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Ketua Arbiter mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE dan keputusan tersebut adalah muktamad.

5.4. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.

6. PERALATAN

- 6.1. Semua peralatan pertandingan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE).
- 6.2. Peralatan pertandingan hendaklah merangkumi papan catur, buah catur, jam catur digital serta lain-lain peralatan yang berkaitan dan diluluskan untuk digunakan dalam pertandingan.
- 6.3. Sebarang kerosakan atau ketidakfungsian peralatan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Arbiter atau Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 untuk tindakan selanjutnya.
- 6.4. Penggunaan telefon bimbit, jam pintar, cermin mata pintar atau apa-apa peranti elektronik yang boleh membantu pemain semasa pertandingan adalah tidak dibenarkan, kecuali dengan kebenaran Ketua Arbiter mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.
 - 6.4.1. Telefon bimbit hendaklah dimatikan atau diletakkan dalam mod senyap. Peserta adalah dilarang menjawab panggilan semasa dalam perlawanan.

7. WAKTU PERLAWANAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

7.1. Masa permainan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Kategori	Kawalan Masa
Catur Rapid Berpasukan Campuran (C)	25 minit + 30 saat (tambahan masa setiap pergerakan)
Catur Blitz Individu (Lelaki)	5 minit + 3 saat (tambahan masa setiap pergerakan)
Catur Blitz Individu (Wanita)	5 minit + 3 saat (tambahan masa setiap pergerakan)

7.1.1. Bagi acara Catur Rapid Berpasukan, semua pemain hendaklah merekodkan setiap pergerakan sendiri dan pihak lawan sepanjang permainan mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.

7.1.1.1. Pemain yang telah tidak merekodkan 3 pergerakan berturut-turut atau lebih dan TELAH DIBERIKAN AMARAN PERTAMA OLEH ARBITER. Jika Pemain ini mengulangi kesalahan serupa, boleh dibatalkan permainannya dalam pusingan tersebut.

7.1.2. Bagi acara Catur Blitz Individu (Lelaki) dan Catur Blitz Individu (Wanita), pemain tidak diwajibkan merekodkan pergerakan permainan.

7.2. Semua perlawanan hendaklah dimulakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

- 7.3. Sebarang penangguhan, penundaan atau perubahan jadual pertandingan hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atas sebab-sebab yang munasabah atau keadaan luar jangka.
- 7.4. Sekiranya pertandingan ditangguhkan, Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menetapkan semula masa, tarikh atau tempat pertandingan dan keputusan tersebut adalah muktamad.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

- 8.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 hendaklah melantik pegawai-pegawai teknikal yang berkelayakan bagi mengendalikan pertandingan mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.
- 8.2. Pegawai teknikal pertandingan hendaklah terdiri daripada Ketua Arbiter, Arbiter, serta pegawai lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 8.3. Ketua Arbiter bertanggungjawab mentafsir, menguatkuasakan dan memutuskan sebarang perkara berkaitan Undang-undang Permainan Catur FIDE sepanjang pertandingan. Keputusan Ketua Arbiter adalah muktamad.
- 8.4. Ketua Arbiter bertanggungjawab menyediakan jadual susunan perlawanan (pairing), mengurus perjalanan pertandingan serta memastikan semua perlawanan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.
- 8.5. Arbiter yang dilantik hendaklah membantu Ketua Arbiter dalam mengendalikan pertandingan, mengawasi perlawanan serta melaksanakan tugas yang diarahkan sepanjang kejohanan.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

- 9.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE yang sedang berkuat kuasa, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dalam Peraturan Pertandingan PSKK 2026 ini.
- 9.2. Sistem pertandingan bagi setiap kategori hendaklah dilaksanakan mengikut format pertandingan yang ditetapkan di bawah Klausula 5.0.
- 9.3. Penentuan permulaan set putih atau set hitam kepada pemain akan ditentukan oleh Arbiter yang bertugas melalui pairing yang dipaparkan. Pemain yang mendapat set putih akan memulakan pergerakan pertama.
- 9.4. Pemain dikira telah menang sama ada:-
 - 9.4.1. Berjaya membuat '*Checkmate*' kepada pihak lawan;
 - 9.4.2. Pihak lawan kehabisan waktu yang diperuntukkan kepadanya;
 - 9.4.3. Pihak lawan menyerah kalah; atau
 - 9.4.4. Lain-lain sebab teknikal yang ditetapkan.
- 9.5. Pemain dikira telah seri sekiranya:-
 - 9.5.1. Berlaku stalemate
 - 9.5.2. Posisi yang sama akan berlaku di atas untuk kali ketiga dan pemain yang hendak menuntut seri secara *3 fold repetition* hendaklah menulis

gerakan yang hendak dilakukan (tanpa melakukan gerakan tersebut) dan memanggil Arbiter untuk pengesahan (dalam hal ini pemain tersebut perlu menulis semua pergerakan di atas *score sheet*).

9.5.3. Persetujuan kedua-dua pihak.

9.5.4. Berlaku perpetual check; dan

9.5.5. Lain-lain keadaan yang wajar, adil dan sesuai untuk membolehkan Arbiter mengisytiharkan keputusan seri.

9.6. Peraturan "*TOUCH MOVE RULE*" adalah terpakai sepanjang masa:-

9.6.1. Pemain mesti menggerakkan buah catur yang dipegang/ sentuh selagi mana ada pergerakan yang sah (*LEGAL move*) melibatkan buah catur yang dipegang/sentuh.

9.6.2. Jika pemain tersebut menyentuh atau memegang buah catur lawannya, pemain tersebut WAJIB menawan buah catur lawannya yang disentuh selagi mana ianya melibatkan pergerakan menawan yang sah.

9.6.3. Sekiranya pemain melakukan pergerakan yang tidak sah (*ILLEGAL move*), pergerakan tersebut hendaklah dimulakan semula menggunakan buah catur yang telah digerakkan selagi mana ada pilihan membuat pergerakan yang sah menggunakan buah catur yang sama. Sebaliknya, sekiranya buah catur tersebut memang tidak boleh digerakkan (*ILLEGAL move*) disebabkan sesuatu faktor (seperti berlaku *OPEN CHECK*), maka pemain tersebut bolehlah memilih gerakan lain dengan menggunakan buah catur yang lain.

- 9.6.4. Pemain yang telah memegang sesuatu buah caturnya, menggerakkannya ke tapak lain menurut peraturan pergerakan yang sah, serta telah MELEPASKAN buah catur tersebut dari sentuhannya, maka pergerakan tersebut dianggap telah dibuat (*move has been made*) serta TIDAK BOLEH DITARIK BALIK, walaupun jam catur belum ditekan (dihentikan).
- 9.7. Pemain sama ada bermain atau tidak bermain pada setiap perlawanan, tidak dibenarkan membuat gangguan terhadap lawan atau rakan sepasukannya. Menunjuk ajar rakan atau pemain lawan adalah dilarang.
- 9.8. Sebarang pertikaian berkaitan kedudukan buah catur, masa permainan atau pelaksanaan Undang-undang Permainan Catur FIDE hendaklah dirujuk kepada Ketua Arbiter untuk keputusan.
- 9.9. Penentuan kedudukan bagi setiap kategori hendaklah dibuat berdasarkan sistem pemarkahan dan kaedah pemutus seri yang ditetapkan di bawah Klausa 5.0 serta Undang-undang Permainan Catur FIDE.
- 9.10. Semua pemain hendaklah mematuhi Undang-undang Permainan Catur FIDE, termasuk peraturan berkaitan pergerakan buah catur, kawalan masa, sentuh-gerak (*touch-move*), perbuatan yang menyalahi undang-undang permainan serta perkara-perkara teknikal lain.
- 9.11. Ketua Arbiter berhak mengenakan tindakan atau penalti terhadap mana-mana pemain yang melanggar Undang-undang Permainan Catur FIDE atau mengganggu kelancaran pertandingan.

- 9.12. Sebarang perkara teknikal yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Ketua Arbiter berdasarkan Undang-undang Permainan Catur FIDE dan keputusan tersebut adalah muktamad.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 10.1. Semua pemain hendaklah memakai pakaian sukan yang kemas, sopan dan bersesuaian sepanjang pertandingan berlangsung.
- 10.2. Pakaian yang mengandungi unsur-unsur menjolok mata, menghina, berunsur politik, perkauman, keagamaan atau yang boleh menjejaskan imej PSKK 2026 adalah tidak dibenarkan.
- 10.3. Pemakaian topi, cermin mata hitam atau aksesori lain yang boleh mengganggu kelancaran pertandingan adalah tidak dibenarkan, kecuali atas sebab kesihatan atau dengan kebenaran Ketua Arbiter.
- 10.4. Peserta tidak dibenarkan memakai seluar pendek, selipar atau pakaian yang tidak sopan semasa pertandingan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atas sebab-sebab tertentu.
- 10.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atau Ketua Arbiter berhak menghalang mana-mana pemain daripada bertanding sekiranya pakaian yang dipakai didapati tidak mematuhi peraturan pertandingan.

11. SYARAT PERTANDINGAN

- 11.1. Semua pemain hendaklah berdaftar sebagai peserta yang sah mengikut Peraturan Am PSKK 2026 dan Peraturan Pertandingan Catur PSKK 2026.
- 11.2. Semua pemain hendaklah mematuhi Undang-undang Permainan Catur FIDE, Peraturan Pertandingan PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atau Ketua Arbiter.
- 11.3. Mana-mana pemain yang gagal mematuhi syarat pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 mengikut peruntukan yang berkuat kuasa.
- 11.4. Dengan menyertai pertandingan ini, setiap pemain dianggap telah memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan dalam Peraturan Pertandingan Catur PSKK 2026 serta Peraturan Am PSKK 2026.
- 11.5. Setiap peserta hendaklah mematuhi semua syarat pertandingan yang ditetapkan dalam Peraturan Pertandingan PSKK 2026 dan Undang-undang Permainan Catur FIDE sepanjang kejohanan berlangsung.
- 11.6. Peserta dilarang meninggalkan tempat permainan (kecuali ke tandas) tanpa mendapat kebenaran Arbiter pertandingan.

12. KESALAHAN DAN DENDA

- 12.1. Mana-mana pemain, pegawai atau pengurus pasukan yang melanggar Peraturan Pertandingan Catur PSKK 2026, Peraturan Am PSKK 2026 atau Undang-undang Permainan Catur FIDE boleh dikenakan tindakan disiplin oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.2. Kesalahan yang boleh dikenakan tindakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- 12.2.1. Penggunaan telefon bimbit, jam pintar, cermin mata pintar atau peranti elektronik yang tidak dibenarkan.
- 12.2.2. Menerima bantuan, nasihat atau bimbingan daripada pihak luar semasa perlawanan;
- 12.2.3. Penipuan atau cubaan mendapatkan kelebihan secara tidak sah;
- 12.2.4. Mengganggu perjalanan pertandingan atau mengganggu tumpuan pemain lain;
- 12.2.5. Merokok atau menggunakan rokok elektronik (vape) di kawasan yang dilarang;
- 12.2.6. Keingkaran terhadap arahan Ketua Arbiter atau pegawai teknikal;
- 12.2.7. Pemain yang melakukan ILLEGAL MOVE melebihi 1 kali dan dilaporkan kepada Arbiter oleh pihak lawannya, dalam satu permainan.
- 12.2.8. Pemain yang berbincang dan/atau mendapat tunjuk ajar tentang perlawanan beliau sendiri yang masih berlangsung (belum tamat).
- 12.2.9. Sebarang salah laku lain yang melanggar Peraturan Pertandingan Catur PSKK 2026, Peraturan Am PSKK 2026 atau Undang-undang Permainan Catur FIDE.

- 12.3. Tindakan disiplin yang boleh dikenakan termasuk amaran, penalti masa, kekalahan perlawanan, pembatalan keputusan, pembatalan penyertaan atau apa-apa tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atau Ketua Arbiter mengikut Undang-undang Permainan Catur FIDE.
- 12.4. Keputusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhubung sebarang tindakan disiplin adalah muktamad, tertakluk kepada hak rayuan seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.
- 12.5. Sebarang bantahan atau rayuan hendaklah dikemukakan mengikut tatacara yang ditetapkan di dalam Peraturan Am PSKK 2026.

13. PERTUKARAN PEMAIN

- 13.1. Pertukaran pemain hanya dibenarkan sebelum sesuatu perlawanan setiap pusingan bermula. Sebaik sahaja sesuatu pusingan perlawanan dimulakan, sebarang pertukaran pemain tidak dibenarkan sehingga pusingan perlawanan tersebut tamat.
- 13.2. Pertukaran pemain hanya dibenarkan melibatkan pemain lain yang telah didaftarkan dan disahkan semasa pendaftaran rasmi pertandingan.
- 13.3. Penggantian menggunakan pemain yang tidak didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

14. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

- 14.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mentafsir, meminda, mengubah atau menambah mana-mana peruntukan dalam Peraturan Pertandingan ini sekiranya perlu bagi memastikan kelancaran pertandingan.

- 14.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu terhadap mana-mana pasukan, pemain atau pegawai yang didapati melanggar Peraturan Pertandingan atau menjejaskan kelancaran pertandingan.
- 14.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, membatalkan atau meminda jadual pertandingan sekiranya berlaku keadaan di luar kawalan, demi kepentingan pertandingan.
- 14.4. Sebarang pindaan terhadap Peraturan Pertandingan ini boleh dibuat oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 sebelum pertandingan bermula dan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi yang bertanding.

15. KESELAMATAN

- 15.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.
- 15.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 15.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.
- 15.4. Peserta hendaklah memastikan kawasan permainan sentiasa berada dalam keadaan teratur serta tidak menghalang laluan atau mengganggu keselamatan peserta lain sepanjang pertandingan berlangsung.

16. PERKARA-PERKARA LAIN

- 16.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran arbiter.
- 16.2. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.
- 16.3. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.